



EDISI KEDUA

BULETIN

PPTD

TERBITAN MEI 2024

AHLI SAHAJA

Sesi TOWNHALL PPTD bersama

YAB PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA: PPTD telah mengadakan Sesi Townhall Bersama YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri bersempena sambutan Lembaran Aidifitri bertempat di PICC pada 25 April 2024. Sesi ini turut dihadiri Tan Sri Mohd Zuki Ali - KSN, Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abdul Aziz - KPPA, Datuk Seri Isham Ishak- Presiden PPTD dan Tan Sri Abdul Halim Ali - Presiden Alumni PPTD.



Sesi tersebut telah dimulakan hampir sejam oleh Dr Tan Awang Besar – Exco HaL Ehwat Profesionalisme PPTD. Sesi ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan kehadiran peserta lebih daripada 2500 orang.

YAB Perdana Menteri sempat berkongsi pengalaman kerja semasa mula-mula dilantik sebagai Menteri Penuh pada usia 30an berurusan dengan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang telah lama bertugas dan jauh lebih berpengalaman. Pegawai PPTD turut sempat mengajukan 5 soalan kepada YAB dan sempat dijawab dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di samping itu, YAB turut menyatakan harapan dan saranan kepada semua pegawai PPTD yang hadir ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani dalam sesi 'terus terang'.



Penasihat
Datuk Seri Isham Ishak

Ketua Editor
Dr Tan Awang Besar

Editor
Dr Norazam Mohd Noor
Dr Razul Ikmal Ramli
Dr Yap Hock Ann

Pereka Grafik
Saidatul Azura Mahayudin

HARI TERBUKA PPTD TOASTMASTERS CLUB PADA 13 JANUARI 2024

Hari Terbuka PPTD Toastmasters Club (PPTD TMC) bertemakan “**Begin With The End In Mind**” yang selari dengan semangat tahun baharu, telah diadakan pada 13 Januari 2024 di Rumah PPTD, Presint 10, Putrajaya. Program ini bertujuan untuk mempromosikan PPTD TMC sebagai platform pembelajaran sendiri serta meraikan Ulang tahun ke-74 PPTD Malaysia.

Hari Terbuka ini turut dihadiri tiga (3) tetamu jemputan iaitu Dr. Tan Awang Besar, Exco Hal Ehwal Profesionalisme PPTD Malaysia, Bryan Lee Jia Yit, Division J Director, District 51, Toastmasters International dan Maisarah Muhammad Rais, Area J5 Director, District 51, Toastmasters International serta ahli-ahli PPTD TMC dan tetamu lain.





PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 23 JANUARI 2024

Program kali ke-119 PPTD TMC telah diadakan secara dalam talian pada 23 Januari 2024 dengan tema **"You Live, You Learn."** Mesyuarat ini telah mengemukakan isu berkaitan hak untuk menerima pendidikan dan kepentingan pembelajaran berterusan sempena International Day of Education yang disambut pada 24 Januari 2024.

Program ini dipenuhi dengan perkongsian pengalaman dari aspek profesional dan peribadi dalam pembangunan diri, serta disokong oleh rakan-rakan Toastmasters dari MIDA Toastmasters Club, Kuantan Toastmasters Club dan One Team Toastmasters Club.

MEETING #119
THEME: You Live, You Learn
W.O.T.D | DEXTEROUS
23 JANUARY 2024
Tuesday 8:00 p.m. - 10:00 p.m. Via ZOOM


MEETING #119
INTRODUCING OUR SPEAKERS
23 January 2024 | Tuesday
8:00 PM - 10:00 PM | via ZOOM

"Knowing Yourself" Lim K. Ping
"The Drone Project" Khadijah Ishak, EC4, DL3
"No Quick Fix" Aadeela Melati Ahmad Termizi

GUESTS ARE WELCOME
 Join us by scanning the QR Code or Log in with the Zoom link as follows
<https://us02web.zoom.us/j/8753597587419>
 pwd=RnMySXBkbnY2SSUUM1BhNkVwMkRlRSU09

TOASTMASTER AND GUESTS ARE WELCOME
 Join us by scanning the QR Code or Log in with the Zoom link as follows
<https://us02web.zoom.us/j/8753597587419>
 pwd=RnMySXBkbnY2SSUUM1BhNkVwMkRlRSU09

WHERE LEADERS ARE MADE
 PPTD TOASTMASTERS CLUB OF PUTRAJAYA





MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM)

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) telah diadakan pada 16 Februari 2024 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya. Mesyuarat ini dihadiri oleh 76 orang ahli PPTD. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat pindaan kepada Perlembagaan PPTD iaitu Fasal 16: Punca Kewangan.



Selain itu, acara lain yang turut diadakan adalah perasmian kerjasama strategik PPTD bersama Syarikat Natasya Jewellers Sdn Bhd bagi menghasilkan dan menjual jongsong emas menggunakan Logo PPTD. Setiap kepingan emas yang ditawarkan adalah pada harga RM388 dan setiap RM8 bagi setiap kepingan terjual akan disalurkan kepada tabung kewangan PPTD. Status perkembangan kemajuan Projek Rumah Kelab PPTD, Presint 18 juga telah dibentangkan oleh AR Haji Zaihan Ab Samad, wakil Tetuan Ridzuwan Associates Sdn. Bhd.







PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 15 DAN 29 FEBRUARI 2024

Dua (2) Program Berkala PPTD TMC telah diadakan secara dalam talian sepanjang bulan Februari:

(a) Bersempena sambutan Tahun Baharu Cina yang diraikan pada awal Februari, **“Happiness and Prosperity”** telah dipilih sebagai tema bagi program kali ke-120 yang diadakan pada 15 Februari 2024. Program ini dihiasi dengan ucapan-ucapan berkisarkan tema yang memberi penekanan kepada usaha mencapai kemakmuran dalam kehidupan, serta turut disokong oleh rakan-rakan Toastmasters dari kelab Toastmasters International Kuala Lumpur (TMIKL) dan Kuantan Toastmasters CI



(b) Program kali ke-121 pula telah diadakan pada **29 Februari 2024** iaitu hari istimewa tahun lompat, dengan tema **“Leap of Faith.”** Program ini dianjurkan secara usaha kolaboratif dengan Yangon Toastmasters Club, sebuah kelab komuniti di Yangon, Myanmar. Ahli-ahli mesyuarat yang hadir terdiri daripada ahli kelab PPTD TMC dan Yangon TMC serta disokong oleh rakan-rakan Toastmasters dari Toihaan Toastmasters Club dari Sabah, Kelab Pidato Kuala Lumpur dan The Ultimate Toastmasters Club dari Indonesia.





PROGRAM MEJA BULAT “WHAT’S BEYOND THE BALLOT BOX: STRATEGIC FORESIGHTING FOR MALAYSIA AND INDONESIA”

Jawatankuasa Hal Ehwal Profesionalisme, Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dengan Kerjasama Bower Group Asia (BGA) telah menganjurkan sesi meja bulat dengan tajuk “**What’s Beyond The Ballot Box: Strategic Foresighting For Malaysia And Indonesia**” pada 27 Februari 2024 bertempat di Auditorium Asian International Arbitration Centre (AIAC), Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh Datuk Seri Isham Ishak.

Pihak BGA telah mengundang pakar political economy, Douglas Ramage yang juga merupakan Pengarah Urusan BowerGroup Asia Indonesia untuk berkongsi pandangan tentang pilihanraya Presiden Indonesia dan perspektif hala tuju ekonomi calon-calon presiden yang bertanding. Program ini telah dihadiri lebih daripada 50 orang peserta termasuk dalam kalangan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Lembah Kelang. Presiden PPTD.



BENKEL PENGUKUHAN DIRI DALAM PENGUCAPAN AWAM

PPTD TMC menjadi rakan strategik kepada Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam penganjuran Bengkel Pengukuhan Diri Dalam Pengucapan Awam *"peak Confidently With Toastmasters International."* Bengkel ini diadakan sebanyak dua (2) siri iaitu pada 22 dan 29 Februari 2024.



Objektif bengkel ini adalah untuk memperkasa kemahiran pengucapan awam dan kepimpinan para peserta yang terdiri daripada Pegawai Bomba Gred 41-54 dengan mengaplikasikan modul Toastmasters, serta sebagai usaha penubuhan kelab Toastmasters secara khusus bagi pegawai-pegawai JBPM. Ahli-ahli PPTD TMC telah bertindak sebagai Penceramah dan Fasilitator. Program ini turut disokong oleh barisan kepimpinan Toastmasters International di peringkat kawasan (Division J dan District 51).







PROGRAM PPTD TMC PADA 16 DAN 30 MAC 2024

Dua Program berkala dalam bulan Mac telah diadakan secara dalam talian:

(a) Tema **“The Pursuit of Happiness”** telah dipilih bagi meraikan sambutan International Day of Happiness pada 20 Mac 2024 bagi Program TMC kali ke-122 yang diadakan pada 16 Mac 2024. Program ini sarat dengan refleksi dan konsep-konsep falsafah yang berkisarkan tema mesyuarat, dan disokong oleh rakan Toastmasters dari Speecom Toastmasters Club.



(b) Program TMC kali ke-123 pada 30 Mac 2024 pula bertemakan **“Attitude of Gratitude”** sebagai refleksi kepada bulan Ramadan. Perkongsian ahli TMC memberikan inspirasi untuk sentiasa bersyukur dan terus membangunkan potensi diri, demi memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan dan juga kepada komuniti. Program kali ini disokong oleh rakan-rakan Toastmasters dari Bintulu Speakers Club dan Connaught Toastmasters Club.



PROGRAM PEMANTAPAN JATI DIRI BERSAMA PELAJAR-PELAJAR ASNAF NEGERI TERENGGANU

Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Cawangan Negeri Terengganu, Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu dan Majlis Keselamatan Negara Negeri Terengganu (MKN) dengan kerjasama dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Program Pemantapan Jati Diri Bersama Pelajarpelajar Asnaf Negeri Terengganu pada 3 April 2024 (Rabu) bertempat di Dewan Perdana, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program ini dianjurkan bagi menyantuni dan meraikan pelajar-pelajar asnaf sempena bulan Ramadan.



Pengisian program ini melibatkan perkongsian maklumat kepada pelajar-pelajar asnaf di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) oleh jabatan dan agensi di Negeri Terengganu seperti Encik Mohamad Nasir bin Kareem, Pengarah JPN Negeri Terengganu, Encik Ahmat Yazid bin Maliki, Penolong Pengarah Majlis Keselamatan Negeri dan Encik Mohd Zaid bin Mohamed, Ketua Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu. Pelajar-pelajar asnaf turut didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan maklumat semasa dalam menghadapi isu dan ancaman keselamatan negara. PPTD Negeri Terengganu turut menyampaikan sumbangan kepada 100 orang pelajar asnaf.





PROGRAM SUNGKEI SANTAI RAMADAN PPTD WILAYAH SARAWAK

Program Sungkei Santai Ramadan PPTD Wilayah Sarawak telah diadakan di Hikmah Exchange Event Centre (HEEC), Kuching pada 4 April 2024. Program telah dihadiri oleh Pengerusi PPTD Wilayah Sarawak, YBhg. Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan bersama 75 orang Ahli PPTD Wilayah Sarawak termasuk 2 orang Alumni PPTD. Program ini adalah inisiatif PPTD Wilayah Sarawak untuk merapatkan ukhawah dan kerjasama di kalangan Ahli yang jarang dapat berkumpul dalam jumlah yang ramai.



PROGRAM BERKALA PPTD TMC PADA 25 APRIL 2024

Program berkala yang ke-124 diadakan secara dalam talian pada 25 April 2024 dengan tema "Say It With a Smile". Perkongsian ahli TMC disampaikan selari dengan tema mesyuarat, yang turut diserikan dengan kehadiran rakan-rakan Toastmasters dari Kuantan Toastmasters Club, The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) Toastmasters Club dan Shah Alam Toastmasters Club.

MEETING #124
PPTD
 TOASTMASTERS
 CLUB
 OF PUTRAJAYA
 DISTRICT 51
 DIVISION 3
 AREA 05

THURSDAY
25
 APRIL
 2024

THEME:
Say It With A Smile
 W.O.T.D | VIVACIOUS

8:00 p.m. - 10:00 p.m.
 Via ZOOM

PREPARED SPEECHES | EVALUATIONS
TOASTMASTERS & GUESTS ARE WELCOME
 Join us by scanning the QR Code or
 Log in with the Zoom link as follows
<https://us02web.zoom.us/j/87538758741>

WHERE LEADERS ARE MADE
 PPTD TOASTMASTERS CLUB OF PUTRAJAYA

MEETING #124
INTRODUCING OUR SPEAKERS
 25 April 2024 | Thursday
 8:00 PM - 10:15 PM | via ZOOM

Nur Fazlina Fadzil, PI3
"Paint It Done"

Ina Tisha Merican Din Merican, DLS, VC4
"Getting Feedback - Turning Frowns into Smiles"

Nurain Saiful Ahmad, PM3, LD2
"The Perth-fect Trip"

MEETING #124
INTRODUCING OUR SPEAKERS
 25 April 2024 | Thursday
 8:00 PM - 10:15 PM | via ZOOM

Lim K. Ping, DL1
"The Power of Communication in Leadership"

Shamala Raja Gopal, DL1
"Luminous Guides"

Ibrahim Yaacob, PM1
"Excel Di@ry"



KURSUS PEMBACAAN BERKESAN

Jawatankuasa Kebudayaan dan Kesenian Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dengan kerjasama Pusat Pengajian Komunikasi dan Bahasa, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah mengadakan Kursus Pembacaan Berkesan di INTAN Kampus Satelit Putrajaya pada 2 dan 3 Mei 2024 yang lalu.



Seramai 20 orang peserta telah mengikuti kursus selama dua hari ini. Antara topik yang telah dikongsikan dalam kursus ini seperti pengenalan pembacaan berkesan, pembangunan silibus pembacaan berkesan, protokol pembacaan berkesan, tujuh radas pembacaan berkesan, pembinaan tabiat membaca mampan dan transformasi bacaan kepada tindakan. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohamad Ikhwan Al-Syahid bin Abdullah Tahir, Perunding Latihan (Bahasa) daripada Unit Kecemerlangan Komunikasi dan Bahasa Melayu (UKEM), INTAN.





RUANGAN KHAS

KEAHLIAN ALUMNI PTD

Sukacita saya, selaku Presiden Alumni PTD, menjemput saudara rakan PTD yang akan bersara atau telah bersara menjadi ahli Alumni PTD. Alumni PTD didaftarkan pada 19 April 1989 dan Mesyuarat Agung Tahunan pertama diadakan pada 5 Mac 1991. Almarhum Tun Abdullah bin Mohd Salleh dan Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin bin Mohamed pernah menjadi Presiden Alumni PTD. Kini, Alumni mempunyai lebih 700 ahli yang terdiri dari pesara dan bekas pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Objektif Alumni PTD adalah untuk menjaga kebajikan ahli, termasuk pasangan serta menyediakan faedah-faedah bagi ahli, membantu Kerajaan dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, dan memberi perkhidmatan kepada negara dan masyarakat amnya. Alumni ini ditubuhkan untuk membolehkan bekas anggota PTD bertemu dan terus memupuk hubungan yang rapat serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang menarik minat mereka, terutamanya dalam hal-hal kebajikan, ekonomi dan sosial. Alumni PTD juga menyediakan satu platform bagi ahli-ahli untuk terus berkhidmat kepada negara dan masyarakat dengan membantu dalam pelaksanaan dan pencapaian dasar-dasar kerajaan, memperkukuhkan hubungan antara sektor awam dan swasta, serta memberi pandangan dan pendapat yang jujur serta membina sebagai maklum balas yang berkesan kepada Kerajaan hari ini, di samping menyediakan khidmat kepakaran sekiranya diperlukan.

Untuk memperluaskan lagi program dan aktiviti-aktivitinya, termasuk meliputi kebajikan pesara PTD yang bukan ahli Alumni, ia memerlukan sumber kewangan tambahan. Yuran menjadi ahli dan geran Kerajaan tidak mencukupi untuk Alumni menjalankan semua program dan aktiviti-aktivitinya. Untuk memperluaskan punca sumbangan kewangannya, Alumni PTD telah menubuhkan **YAYASAN ALUMNI PTD**. Dengan adanya Yayasan ini, Alumni PTD dapat memberi bantuan kewangan kepada badan-badan dan individu yang dilanda malapetaka seperti kebakaran, banjir dan gempa bumi, khasnya mereka dalam kumpulan miskin dan kurang mampu serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada kebajikan ahli Alumni dan membiayai program dan aktiviti yang menyumbang terus kepada pembangunan perkhidmatan awam. Menjadi ahli Alumni PTD adalah jalan terbaik untuk kita bekas pegawai PTD untuk terus menyumbang bakti kepada PTD, Perkhidmatan Awam dan Negara serta komuniti.

***Yuran masuk hanya RM100 untuk bayar sekali sahaja**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Dato' Abdullah Kassim - 011 11918588

Puan Nurdiana - 013 3153345

ptdalumni@gmail.com

ptdalumni.org

TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Presiden Alumni PTD
Mei 2024



“PERSATUAN KITA, TANGGUNGJAWAB KITA”

www.pptd.my

Mei 2024. Copyright© 2024, Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik, Hak Cipta Terpelihara